

**Penganut Kristian Malaysia Ucap Tahniah Kepada Yang di-Pertuan Agong
Bernama
11 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Penganut agama Kristian di seluruh Malaysia mengucapkan tahniah kepada Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah atas pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 hari ini.

Pengerusi Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) Biskop Datuk Ng Moon Hing berkata bagi pihak CFM dan jawatankuasa eksekutifnya, beliau berharap Malaysia dan rakyatnya akan terus makmur dan dirahmati Tuhan sepanjang berada di bawah pemerintahan Tuanku Abdul Halim untuk tempoh lima tahun akan datang.

"Kami bersyukur kepada Tuhan atas pertabalan Seri Paduka sebagai Ketua Negara persekutuan.

"Kami rakyat tuanku yang setia berdoa kepada Tuhan supaya sentiasa merahmati tuanku," katanya dalam kenyataan hari ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658391>